

[Policyholder Name]

[Address 001]

[Address 002]

[Address 003]

[Address 004]

[Date]

Plan: [Plan Name]

Policy Number(s): [Policy Number]

Pemegang Polisi yang dihormati,

Maklumat Terkini Dana Penyertaan Hayat Bagi Tahun 2023

Terima kasih atas kepercayaan berterusan anda kepada Zurich Malaysia sebagai penyedia insurans pilihan anda.

Pada 2023, Dana Penyertaan Hayat mencapai prestasi yang baik walaupun terdapat ketaktentuan dalam pasaran kewangan tempatan dan dunia. Bagaimanapun, prospek pelaburan masih tidak stabil, disebabkan kadar inflasi terus meningkat; dan bank pusat di seluruh dunia mengekalkan kadar faedah yang tinggi untuk jangka masa yang lebih panjang. Selain itu berlaku juga ketegangan geopolitik yang semakin meningkat terutamanya di Timur Tengah.

Kami dengan berbesar hati ingin memaklumkan bahawa kami akan mengekalkan bayaran bonus dan dividen untuk polisi anda di dalam Dana Penyertaan Hayat bagi tahun kewangan 2023 pada kadar bonus seperti yang dimaklumkan tahun lepas. Bagi pelan-pelan yang terkesan oleh semakan bonus, kadar bonus baharu yang dimaklumkan di dalam penyata bonus tahun lepas akan digunapakai bagi bayaran bonus dan dividen bagi tahun kewangan 2023. Maklumat tentang kadar bonus dan dividen yang diisytiharkan untuk polisi anda boleh didapati dalam penyata yang dilampirkan bersama surat ini.

Kami ingin mengingatkan anda tentang kadar bonus dan dividen akan datang, termasuk bonus matang dan bonus terminal adalah **tidak dijamin** dan **bergantung kepada semakan tahunan**. Matlamat kami untuk menghasilkan pulangan yang berpatutan sepanjang tempoh polisi anda, maka anda tidak perlu risau kerana sebarang keputusan yang dibuat adalah dipertanggungjawabkan dan adil pada setiap masa, untuk membina masa depan yang lebih cerah untuk anda dan orang tersayang.

Bagi pihak Zurich Malaysia, terima kasih atas kepercayaan dan sokongan berterusan anda. Kami akan terus bersama anda di setiap peringkat perjalanan hidup anda; melindungi segala yang bermakna.

Nota: Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan dan manfaat yang dibayar daripada bahagian unit sijil berkaitan pelaburan adalah tertakluk kepada syarat-syarat tertentu. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Zurich Life Insurance Malaysia Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my)

Yang benar,

Khoo Poh Beng

Wakil Sah

Zurich Life Insurance Malaysia Berhad

Memahami Penyata Bonus Tahunan Anda

Penyata bonus tahunan mengandungi maklumat penting mengenai polisi anda di dalam Dana. Anda digalakkan untuk membaca dan menyimpannya di tempat yang selamat. Maklumat yang terkandung dalam dokumen ini merangkumi tiga perkara:

- a) Bonus berbalik/dividen tunai yang telah dimasukkan ke dalam polisi anda berdasarkan prestasi Dana pada tahun 2023 dan nilai serahan semasa polisi anda.
- b) Cara mendapatkan maklumat implikasi prestasi Dana sepanjang tahun lepas dan gambaran tentang polisi anda.
- c) Cara menghubungi kami untuk mendapatkan maklumat lanjut.

Setiap tahun bagi produk-produk tertentu, kami berkemungkinan akan menambah bonus berbalik kepada polisi anda; ini akan diisytiharkan sebagai tambahan kepada jumlah muka polisi anda dan akan disertakan tertakluk kepada penghabisan tempoh yang ditetapkan seperti yang dinyatakan dalam kontrak polisi, iaitu ianya akan dibayar sekiranya berlaku kematian, serahan polisi atau polisi mencapai tempoh matang. Bonus ini adalah milik polisi anda dan kami tidak boleh mengurangkan atau mengambilnya kembali.

Bagi produk-produk lain, pembayaran dividen tunai mungkin dibuat setiap tahun; ia boleh dilaburkan semula ke dalam Dana atau anda boleh membuat pengeluaran tunai. Buat masa ini kadar pulangan dividen tunai yang dilabur semula ke dalam Dana adalah 2.25%. Anda perlu mengambil perhatian bahawa ini **bukanlah kadar yang dijamin**.

Jadual 1 dalam penyata bonus tahunan anda menunjukkan bonus berbalik atau dividen tunai yang boleh dibayar kepada polisi anda. Sila maklum bahawa kadar dividen tunai bagi tahun polisi berbeza dari tahun ke tahun seperti rekaan asal produk tersebut.

Jadual 2 menunjukkan maklumat mengenai polisi anda. Jadual 3 menunjukkan **bonus tidak terjamin**, nilai serahan tunai dan pinjaman lain berdasarkan tarikh penyata. Jumlah bersih nilai serahan tunai adalah jumlah yang tersedia untuk anda sekiranya anda menyerahkan polisi, selepas tolakan sebarang pinjaman tertunggak dan bayaran bunga sebarang pinjaman yang mungkin ada dengan kami. Maklumat mengenai Pemegang Serah Hak/Penama dalam rekod kami ditunjukkan di Jadual 4.

Pilihan Tahun Kritikal

Apabila anda membeli polisi, anda mungkin telah memilih Pilihan Tahun Kritikal. Pilihan ini bermaksud selepas tempoh tertentu – dengan anggapan masih terdapat nilai tunai atau dividen tunai terkumpul yang mencukupi bagi polisi anda yang membolehkan anda berhenti membayar premium dan menikmati manfaat polisi bagi baki tempoh polisi. Tahun Kritikal ini **tidak dijamin** kerana ianya bergantung kepada bonus berbalik dan dividen tunai yang diisytiharkan ke atas polisi anda. Jika anda mempunyai dividen tunai terkumpul bagi polisi anda, jumlah yang akan dikurangkan untuk membayar premium dibawah Pilihan Tahun Kritikal. Jika anda tidak mempunyai dividen tunai terkumpul bagi polisi anda, premium akan dibiayai oleh Pinjaman Premium Automatik yang akan mengurangkan nilai tunai bagi polisi. Maka, anda mungkin perlu masih membayar premium selepas Tahun Kritikal seperti yang diterangkan ketika polisi berkuatkuasa, atau berkemungkinan polisi anda diluputkan (yang menyebabkan anda kehilangan perlindungan). Mungkin juga anda telah mengambil manfaat-manfaat tambahan – menaikkan had perlindungan, pengeluaran tunai, dan pinjaman polisi – daripada polisi tersebut, yang mungkin tidak dijangka ketika anda mengambil pelan tersebut, dan ini akan memberi impak terhadap Pilihan Tahun Kritikal.

Jika anda tidak memilih Pilihan Tahun Kritikal, anda perlu terus membayar premium seperti biasa. Manfaat matang akhir anda mungkin berbeza daripada apa yang dinyatakan dalam ilustrasi jualan asal anda, kerana bonus adalah **tidak terjamin** dan boleh berubah seiring prestasi pelaburan terdahulu dan prospek masa depan bagi Dana tersebut.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai Pilihan Tahun Kritikal anda dan bagaimana polisi anda terjejas oleh pelaksanaan semakan bonus, sila hubungi kami di 1-300-888-622.

Maklumat Tambahan Mengenai Dana Penyertaan

Maklumat dibawah sudah tersedia atau akan dikemaskini dalam tempoh beberapa bulan akan datang di laman sesawang kami di www.zurich.com.my/parfund

- i) Satu set Soalan-soalan Lazim (FAQ) disediakan, yang boleh menjawab pertanyaan anda mengenai Dana dan produk-produk berkaitan (ianya boleh didapati di laman sesawang kami di www.zurich.com.my/parfund).
- ii) Risalah 'Laporan Dana Penyertaan Hayat, 2023' dengan terperinci menerangkan latar belakang Dana, tujuan dan objektifnya, perkembangan bagi tahun kewangan 2023 dan situasi semasa (boleh diperolehi pada akhir Ogos 2024 di laman sesawang kami).
- iii) Panduan lengkap cara kami menguruskan Dana yang dipanggil 'Prinsip dan Amalan Pengurusan Kewangan' atau PPFM (boleh didapati di laman sesawang kami).